



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 24
No. 26

18hb Disember 1980

TAMBAHAN No. 85
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 357.

AKTA MALAYSIA

*c.f. - 1.6.81
(PUB) 264/81*

PERINTAH AKTA MAHKAMAH RENDAH (PERLUASAN) 1980

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 74 Akta 26/63.
Malaysia, Yang di-Pertuan Agong membuat Perintah yang berikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Akta Mahkamah Rendah (Perluasan) 1980**, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

** 1.6.81
(PUB) 264/81*

2. (1) Akta Mahkamah Rendah, 1948 adalah diubahsuai seperti dalam Jadual Pertama.

Ubahsuai
dan perluasan
bagi Akta 92.

(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, 1950 dan Kaedah No. 2 Mahkamah Rendah (Fee Jenayah) tahun 1951 adalah diubahsuai seperti dalam Jadual Kedua.

L.N. 339/50.
L.N. 597/51.

(3) Akta dan Kaedah-kaedah tersebut sebagaimana diubahsuai oleh perenggan-perenggan kecil (1) dan (2) adalah dengan ini diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

3. Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, 1955 adalah diubahsuai seperti dalam Jadual Ketiga.

Ubahsuai
bagi Akta 55.

4. (1) Tiada apa-apa jua dalam Perintah ini boleh menyentuh sahnya langkah pembicaraan yang dibawa sebelum mula berkuatkuasanya Perintah ini dalam mana-mana mahkamah rendah kepada Mahkamah Tinggi dan yang sedia ada sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Perintah ini, dan langkah pembicaraan ini hendaklah dijalankan dan diteruskan hingga selesai seolah-olah Perintah ini telah tidak dibuat, dan mahkamah itu hendaklah terus menjalankan bidanguasa dengan sewajarnya berkenaan dengan langkah pembicaraan itu, dan tatacara yang dipakai bagi langkah pembicaraan itu sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Perintah ini hendaklah terus dipakai baginya.

Kecualian.

P.U. (A) 358.

AKTA MALAYSIA

PERINTAH ORDINAN SIBERHUTANG (PERLUASAN) 1980

26/63. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 74 Akta Malaysia, Yang di-Pertuan Agong membuat Perintah yang berikut :

Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Ordinan Siberhutang (Perluasan) 1980** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong melalui pemberitahu dalam *Warta*.

Ubahsuaian
dan perluasan
bagi
P.T.M. 71/57.

2. Ordinan Siberhutang 1957, adalah diubahsuai seperti dalam Jadual dan sebagaimana diubahsuai sedemikian itu adalah diperluaskan ke Sabah dan Sarawak.

Kecualian.
Sabah 12/57.
Swk. 4/60.

3. Tiada apa-apa jua dalam Perintah ini boleh menyentuh sahnya langkah pembicaraan yang dibawa di bawah Ordinan Siberhutang 1957 bagi Negeri Sabah, dan Ordinan Siberhutang 1960 bagi Negeri Sarawak, mengikut mana yang berkenaan, sebelum mula berkuatkuasanya Perintah ini dan langkah pembicaraan itu hendaklah dijalankan dan diteruskan hingga selesai seolah-olah Perintah ini telah tidak dibuat, dan tatacara yang dipakai bagi langkah pembicaraan itu sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Perintah ini hendaklah terus dipakai baginya.

JADUAL

(Perintah 2)

UBAHSUAIAN-UBAHSUAIAN KEPADA ORDINAN
SIBERHUTANG 1957

(P.T.M. 71 tahun 1957)

| Seksyen | Ubahsuaian |
|-------------------|---|
| 1 | Tinggalkan semua perkataan selepas "1957". |
| 2, takrif bagi— | |
| "Federal Officer" | Masukkan "or deemed to be employed" selepas "employed" dan tinggalkan semua perkataan selepas "Government". |
| "rules of court" | Tinggalkan. |
| "the State" ... | Masukkan takrif baru yang berikut selepas "State Officer"; |
| | " "the State", in sections 6 (1), 15 (1) (a), (b) and (c) and 19 (1) (a), means— |
| | (a) Sabah; |
| | (b) Sarawak; or |
| | (c) West Malaysia, |

as the case may be, where the court is situated;"

| Seksyen | Ubahsuaian |
|--|---|
| "West Malaysia" | Masukkan takrif baru yang berikut selepas "the State": " "West Malaysia" has the meaning assigned thereto in section 3 of the Interpretation Act 1967, and includes the Federal Territory.". |
| 6 (1), 15 (1) (a), (b), (c) 19 (1) (a) | Gantikan "Federation" dengan "State". |
| 24 | Gantikan dengan— "Repeal. 24. The Debtors Ordinance of the Straits Settlements, the Debtors Ordinance 1957, of the State of Sabah, and the Debtors Ordinance 1960, of the State of Sarawak, are hereby repealed.". |

Dibuat pada 21hb November 1980.

[PN. (SU. 2) 137; PM. (R) 11880/A/4/1; PN. (PU²) 371.]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI DATO' ABDULLAH BIN AYUB,
Setiausaha Jumaah Menteri

(Akan dibentangkan dalam tiap-tiap satu Majlis Parlimen menurut seksyen 74 (9) Akta Malaysia.)

MALAYSIA ACT

DEBTORS ORDINANCE (EXTENSION) ORDER 1980

IN exercise of the powers conferred by section 74 of the Malaysia Act, the Yang di-Pertuan Agong makes the following Order: 26/63.

1. This Order may be cited as the **Debtors Ordinance (Extension) Order 1980** and shall come into force on such date as the Yang di-Pertuan Agong may, by notification in the *Gazette*, appoint. Citation and commencement.
2. The Debtors Ordinance 1957, is modified as in the Schedule and as so modified is extended to Sabah and Sarawak. Modification and extension of F.M. 71/57.
3. Nothing in this Order shall affect the validity of proceedings instituted under the Debtors Ordinance 1957, of the State of Sabah, and the Debtors Ordinance 1960, of the State of Sarawak, as the case may be, before the commencement of this Order and the same shall be carried on and continued to final conclusion as if this Order had not been made, and the procedure applicable to such proceedings immediately before the commencement of this Order shall continue to apply thereto. Saving. Sabah 12/57. Swk. 4/60.

SCHEDULE

(Order 2)

MODIFICATIONS TO DEBTORS ORDINANCE 1957

(F.M. 71 of 1957)

| Section | Modification |
|--|---|
| 1 | Omit all the words after "1957". |
| 2, definition of— | |
| "Federal Officer" | After "employed" insert "or deemed to be employed" and omit all the words after "Government". |
| "rules of court" | Omit. |
| "the State" ... | Insert the following new definition after "State Officer": " "the State", in sections 6 (1), 15 (1) (a), (b) and (c) and 19 (1) (a), means— (a) Sabah; (b) Sarawak; or (c) West Malaysia, as the case may be, where the court is situated;". |
| "West Malaysia" | Insert the following new definition after the definition of "the State": " "West Malaysia" has the meaning assigned thereto in section 3 of the Interpretation Act 1967, and includes the Federal Territory.". |
| 6 (1), 15 (1) (a), (b), (c) 19 (1) (a) | For "Federation" substitute "State". |
| 24 | Substitute— "Repeal. 24. The Debtors Ordinance of the Straits Settlements, the Debtors Ordinance 1957, of the State of Sabah, and the Debtors Ordinance 1960, of the State of Sarawak, are hereby repealed.". |

Made 21st November 1980.

[PN. (SU. 2) 137; PM. (R) 11880/A/4/1; PN. (PU²) 371.]

By Command,

TAN SRI DATO' ABDULLAH BIN AYUB,
Secretary to the Cabinet

(To be laid before each House of Parliament pursuant to section 74 (9) of Malaysia Act.)